



PROFIL JĀRIAH AL-BARAKAH

APAKAH ITU JĀRIAH AL-BARAKAH?



Jāriah Al-Barakah merupakan inisiatif Surau Al-Barakah Bank Rakyat dengan kerjasama Bank Rakyat bagi menggalakkan warga kerja dan masyarakat untuk mengerjakan amalan bersedekah kepada golongan yang memerlukan.



Bank Pilihan Anda



Himpunkan Jemaah, Eratkan Ukhuwah

Jāriah Al-Barakah membawa maksud keberkatan yang terus menerus mengalir/berjalan.



Nama: Surau Al-Barakah

Alamat: Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Travers, 50470 Kuala Lumpur

No.
Pendaftaran: JAWI.K.(Z6)/027/1/14

Tarikh

Berkuat kuasa: 22 Julai 2014 bersamaan 24 Ramadan 1435H





جاڤتن آكام اسلام ولايه فرسكوتوان

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
FEDERAL TERRITORY ISLAMIC AFFAIRS DEPARTMENT

Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, 50676 Kuala Lumpur.

Tel.: +603-2274 9333

Fax: +603-2273 1575

Web: www.jawi.gov.my

E-mel: info@jawi.gov.my/aduan@jawi.gov.my

Hotline Penguatkuasaan: 1-800-88-1771



Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: JAWI.K.200-3/9 Jld 2(52)
Tarikh : 22 Julai 2014
24 Ramadhan 1435H



Pengerusi
Surau Al-Barakah
Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat
No.33, Jalan Travers
50470 KUALA LUMPUR

Assalamualaikum wr. wbt.

Tuan,

PENDAFTARAN SURAU AL-BARAKAH, MENARA 1, MENARA KEMBAR BANK RAKYAT NO.33, JALAN TRAVERS 50470 KUALA LUMPUR

Saya dengan hormatnya mohon tuan merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Surau Al-Barakah, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat No.33, Jalan Travers 50470 Kuala Lumpur** telah didaftarkan di Jabatan ini dengan no. pendaftaran JAWI.K.(Z6)/027/1/14 berkuatkuasa bermula pada 22 Julai 2014. Surau ini terletak di bawah kariah Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Jalan Ara, Bangsar 59000 Kuala Lumpur.

3. Sehubungan itu, Jabatan ini tiada halangan sekiranya Ahli Jawatankuasa Surau berusaha menjalankan aktiviti kelas pengajian yang tidak bertentangan dengan dasar yang telah ditetapkan oleh Jabatan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), berdasarkan Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1987.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

PENUBUHAN JĀRIAH AL-BARAKAH – FASA 1 (DALAMAN)

5 Mei 2020




Jawatankuasa Surau Al-Barakah telah meluluskan penubuhan Jāriah Al-Barakah. Kutipan bagi fasa ini hanya memfokuskan kepada warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat.

6 Mei 2020



Sekretariat telah membuka dua akaun untuk tujuan kutipan dan agihan.

8 Mei 2020



Promosi dan makluman berkenaan penubuhan Jāriah Al-Barakah.

14 Mei 2020



Pelancaran Jāriah Al-Barakah oleh YBhg. Dato' Rosman Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif pada ketika itu.

PENUBUHAN JĀRIAH AL-BARAKAH – FASA 2 (AWAM)



15 Mei 2020

Jawatankuasa Surau Al-Barakah telah meluluskan kerjasama dengan Bank Rakyat.

Kutipan bagi fasa ini terbuka kepada warga kerja Bank Rakyat, Yayasan Bank Rakyat dan masyarakat umum.



18 Mei 2020

Jawatankuasa Pengurusan Bank Rakyat bersetuju meluluskan kerjasama (fasa ke-2) dengan Surau Al-Barakah.



18 Mei 2020

Jawatankuasa Pengurusan Bank Rakyat dan Surau Al-Barakah bersetuju melantik Jawatankuasa Pengurusan Bersama Jāriah Al-Barakah.



YBhg. Prof Dr. Azman Mohd Noor
Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan
Bersama (JPB)

Jāriah Al-Barakah diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB) yang diwakili oleh tiga orang wakil surau dan tiga orang wakil Bank serta dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Syariah, Bank Rakyat iaitu YBhg. Prof Dr. Azman Mohd Noor.

Wakil Surau Al-Barakah:

1. Ustaz Mohd Zamerey Abdul Razak
2. Haji Saifuddin Abdullah
3. Encik Mohamad Thuairi Mohamad Tayeb

Wakil Bank Rakyat:

1. Encik Nor Haimee Zakaria
2. Encik Amren Faisal Fadzil
3. Cik linun Sabariah Yusof



YBhg. Ustaz Mohd Hanafiah Mohd Nawawi
Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan
Bersama (JPB)

Bahagian Syariah (Operasi Bukan Perbankan), Bank Rakyat pula bertindak sebagai Setiausaha JPB.

Setiausaha JPB bertanggungjawab memastikan semua tugas dan peranan JPB dijalankan selaras dengan Terma Rujukan/Term of Reference (ToR).

Kerja-kerja kesetiausahaan dan pengurusan dana Jāriah Al-Barakah juga dibantu oleh Jabatan Waqaf, Umrah dan Qurban, Sektor Syariah.



Secara rasminya, kutipan sumbangan bermula pada bulan **Jun 2020**. Semua kutipan yang diperoleh akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama, 80% daripada dana kutipan akan dilaburkan dan hasil pelaburan akan diagihkan kepada penerima manfaat.

Manakala, 20% lagi, akan terus diagihkan kepada penerima-penerima manfaat. JPB bersetuju agar nisbah pembahagian kutipan tersebut dilaksanakan sehingga 31 Disember 2020.

Tujuan pembahagian tersebut adalah seperti berikut:

1. Memperkenalkan kewujudan Jāriah Al-Barakah.
2. Mempercepatkan agihan yang dilakukan kepada penerima manfaat.



Bermula pada tahun 2022, dana kutipan yang diperoleh akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama, 70% daripada dana kutipan akan dilaburkan dan hasil pelaburan akan diagihkan kepada penerima manfaat.



Perkara ini adalah bagi memastikan kelangsungan pahala kepada penyumbang dan selari dengan maksud Jāriah Al-Barakah iaitu keberkatan yang berterusan.

Manakala, 30% lagi akan terus diagihkan kepada penerima manfaat.

Selain kutipan tersebut, terdapat juga kutipan sumbangan yang diperoleh terus dan disalurkan kepada penerima manfaat. Kutipan ini dilaksanakan menerusi projek khas yang telah diluluskan oleh JPB.

Kutipan sumbangan projek khas ini terhad pada satu tempoh yang telah ditetapkan.

1. Bantuan Asnaf dan B40 (RM29,500.00)
2. Bantuan Mangsa Covid-19 (RM38,820.15)
3. Bantuan Yuran Pengajian (RM85,977.00)





Sektor Pendidikan



Sektor Kesihatan



Sektor Kebajikan



Sektor Pemerkasaan Ekonomi



Sektor-sektor kritikal yang ditentukan oleh
Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB)